

CARA GAYA KEIBUBAPAAN DAN REMAJA HAMIL TANPA NIKAH

Siti Marhamah Kamarul Arifain, Farrah Wahida Mustafar, Faudziah Yusof & Atini Alias
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cara gaya keibubapaan menggunakan inventori Indeks Topologi Amalan Didikan Ibu Bapa Baumrind. Reka bentuk tinjauan dan teknik persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini yang telah dijalankan di Pusat Kebajikan Wanita dan Remaja (KEWAJA) yang terletak di Batu Caves, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah statistik khi kuasa dua bagi analisis inferensi. Saiz sampel yang diambil bagi reka bentuk tinjauan adalah seramai 21 responden. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian, permisif dan autoritatif dengan tahap pendidikan remaja hamil tanpa nikah. Kesimpulannya, satu program intervensi perlu dibentuk dalam membendung fenomena hamil tanpa nikah.

Kata kunci: *Cara Gaya Keibubapaan, Remaja, Hamil Tanpa Nikah*

PARENTING STYLE AMONG UNWED MOTHER

ABSTRACT

The aim of this study was to examine the parenting styles of unwed teenage mothers using Baumrind Parenting Topology Index. This study used to methods of survey design and purposive sampling. This study was conducted at KEWAJA, Batu Caves, Selangor involved a total of 21 respondents. Data were analysed using chi square for statistical method. The result showed there was no significant differences between Authoritarian, Permissive and Authoritative with the level of educations of unwed teenage mothers. As conclusion, one intervention programme should be established to curb this phenomenon.

Keywords: Parenting Styles, Unwed Teenage Mothers

PENGENALAN

Remaja adalah satu tahap perkembangan yang berkembang daripada kanak-kanak dan dewasa dan sebagai tahap perubahan dari segi perubahan dan perkembangan fizikal dan psikologikal (Feldman 2006). Jersild (1963) berpendapat pemeringkatan kronologi daerah usia remaja yang mengambil kira pelbagai aspek tentang pertumbuhan dan perkembangan seseorang remaja termasuklah dari segi biologi, fizikal, mental, emosi serta sosial. Perbezaan pemeringkatan yang terjadi antara gadis dan teruna bertolak daripada faktor-faktor pertumbuhan dan perkembangan biologi fizikal yang dialami secara purata oleh kedua-duanya. Semasa melalui zaman remaja, mereka akan mengalami pelbagai perubahan yang drastik termasuklah dari segi biologi, psikologi dan sosiologi.

Sosialisasi bermaksud proses kanak-kanak memperoleh kepercayaan, nilai dan tingkah laku yang dianggap wajar oleh kumpulan sosial kepunyaannya (Shaffer 2001). Sosialisasi melibatkan tiga proses iaitu tingkah laku yang wajar (*proper performance behavior*), memainkan peranan sosial yang diakui (*playing of approved social roles*) dan perkembangan sikap sosial (*social attitudes*) (Hurlock 1964). Penyesuaian kanak-kanak dipengaruhi besar oleh perwatakan ahli keluarga. Menurut kajian Khairil Anwar dan Khaidzir Hj Ismail (2004) yang melihat fenomena personaliti dalam kalangan remaja banduan seramai 80 orang yang mengukur personaliti remaja pondok dan remaja banduan untuk melihat tret personaliti mendapati bahawa kesamaan personaliti remaja banduan dan remaja pondok adalah satu gambaran bahawa mereka sedang mencari identiti dan harus dibimbang penuh oleh guru atau ibu bapa. Menurut teori acuan sosial, tingkah laku ibu bapa adalah pengaruh utama di dalam penyesuaian kanak-kanak di mana mereka yang akan membentuk acuan terhadap anak-anak mereka manakala bagi teori pembelajaran sosial yang dikenalkan oleh Bandura, mencadangkan tingkah

laku kanak-kanak dipelajari berdasarkan pemerhatian dan permodelan tingkah laku ibu bapa (Rueter, Keyes, Iacono dan McGue 2009).

Menurut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di negara Barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep kendiri, tingkah laku seks dan pencapaian akademik (Fatanah 1997). Menurut Mahmood Nazar Muhammad (1993) di dalam Azizi Yahaya dan Badrulzaman Baharom (2000), tingkah laku devian di kalangan remaja juga disebabkan oleh konflik dan tekanan psikologikal. Remaja-remaja yang terlibat dengan melakukan tingkah laku berisiko juga mengalami konflik dalam keluarga mereka sendiri. Mereka gagal melihat keluarga sebagai satu persekitaran yang sihat dan boleh memberikan kebahagiaan serta rasa seronok kepada mereka. Kekurangan komunikasi yang berkesan dan kasih sayang dalam keluarga turut mendorong fenomena remaja hamil tanpa nikah ini semakin meningkat hari demi hari. Kajian Khaidzir Hj Ismail (2007) telah menjalankan kajian tentang profil remaja perempuan berisiko dan dilakukan ke atas 887 orang pelajar perempuan yang menuntut di sekolah menengah sebagai responden.

Hasil daripada temubual yang dilakukan didapati hanya seorang responden sahaja yang mengaku tidak pernah melakukan hubungan seks. Dapatan kajian ini mendapati kebanyakan remaja ini datangnya daripada keluarga bermasalah seperti ibu bapa masing-masing mempunyai masalah psikologi dan bercerai, mengalami masalah kewangan dan kebanyakannya yang tinggal di rumah kos rendah. Selain itu, kajian yang dilakukan bersama Fatimah Abdullah, Khaidzir Haji Ismail dan Suraiyah Harun (2008) iaitu mengkaji tentang ibu tanpa nikah khususnya di Kuala Lumpur di Rumah Nur Hasanah mendapati latar belakang keluarga yang diterima dan cara masalah ditangani oleh remaja dan keluarga serta bentuk penjagaan yang diterima setelah didapati mengandung adalah berkaitan.

Terdapat tiga corak didikan iaitu autoritatif, permisif dan autoritarian. Mengikut Baumrind (1966), corak didikan autoritatif ialah di mana terdapat kawalan yang agak tegas tetapi ibu dan bapa masih mampu mengenalpasti minat anak-anak mereka dan didikan ini lebih kepada demokrasi. Manakala corak didikan authoritarian pula berbeza dengan corak didikan autoritatif di mana ibu bapa terlalu *rigid* terhadap peraturan yang ditetapkan dan tidak memberi peluang untuk berbincang dan mendengar pendapat anak-anak. Mereka ini dikatakan mempunyai kurang komunikasi dan corak didikan ini lebih kepada autokratik (Baumrind 1966). Ibu bapa yang permisif hanya menggunakan sedikit hukuman dan mengelakkan daripada mengukuhkan autoriti atau menguatkuasa sesuatu batasan dan peraturan (Feldman 2006). Terdapat kajian lalu yang dilakukan oleh Pittman dan Chase-Lansdale (2001) mengkaji tentang hubungan antara gaya keibubapaan dan fungsi remaja mendapati terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya keibubapaan terhadap domain luaran dan dalaman, pencapaian

akademik, orientasi kerja, pengalaman seksual dan sejarah kehamilan. Terdapat kajian lepas menyatakan tahap pendidikan di dalam lingkungan tingkatan empat hingga enam adalah paling ramai yang terlibat dalam masalah remaja hamil tanpa nikah berbanding dengan darjah satu hingga enam iaitu sebanyak 5%, tingkatan satu hingga tiga sebanyak 17.5% dan sebanyak 10% dari IPT/kolej (Harnida Paturungi 2008). Pada tahap ini, mereka baru didedahkan dengan pendidikan mengenai perhubungan seks. Faktor tentang kurangnya pengetahuan mendorong remaja terdedah kepada risiko sama ada dari segi tingkah laku dan kesihatan yang tidak diingini.

Maka, objektif kajian ini ialah mengkaji perkaitan antara gaya keibubapaan sama ada autoritarian, permisif dan autoritatif dengan tahap pendidikan remaja hamil tanpa nikah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan iaitu remaja yang hamil luar nikah. Rangka sampel kajian ini terdiri daripada remaja hamil tanpa nikah yang berada di Pusat Kebajikan Wanita dan Remaja (Kewaja) yang berada di dalam lingkungan umur 13-21 tahun. Saiz sampel yang digunakan adalah dalam lingkungan 21 orang remaja hamil tanpa nikah. Soal selidik yang digunakan ialah soal selidik Indeks Topologi Amalan Didikan Ibu Bapa Baumrind.

Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan adalah untuk mengukur tahap amalan didikan ibu bapa. Alat ini mengandungi 24 item yang juga menggunakan lima tahap skala Likert. Cara pemarkatan bagi alat ini adalah 5=sangat benar, 4=benar, 3=tidak pasti, 2=tidak benar dan 1=sangat tidak benar. Item-item dalam soal selidik ini terbahagi kepada tiga corak seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Item-item di dalam alat ini juga dianalisis dengan menggunakan teknik statistik Cronbach Alfa. Pekali alfa yang diperoleh untuk indeks autoritarian ialah 0.66, indeks permisif ialah 0.60 dan indeks autoritatif ialah 0.66. Nilai-nilai kebolehpercayaan ini dianggap sederhana tinggi dan memuaskan.

Jadual 1: Item-Item dalam Indeks Topologi Amalan Didikan Baumrind (ITADB)

Corak didikan ibu bapa	Item
Autoritarian	1-8
Permisif	9-16
Autoritatif	17-24

Hasil Kajian

Berdasarkan Jadual 2, ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan gaya keibubapaan autoritarian tidak mempunyai perkaitan dengan tahap pendidikan responden secara signifikan $\chi^2(2, N=21)= 1.128$, $k> .05$. Begitu juga bagi gaya keibubapaan permisif dalam Jadual 3 yang tidak mempunyai perkaitan dengan tahap pendidikan secara signifikan $\chi^2(2, N=21)= 1.220$, $k> .05$. Bagi gaya keibubapaan autoritatif pula, menunjukkan hasil dapatan yang sama iaitu tidak mempunyai perkaitan dengan tahap pendidikan secara signifikan $\chi^2(2, N=21)= 3.706$, $k> .05$ seperti dalam Jadual 4.

Jadual 2: Perkaitan antara Tahap Pendidikan dengan Autoritarian

Autoritarian	Pendidikan Rendah	Pendidikan Sederhana	Pendidikan Tinggi
Rendah	60% (3 orang)	41.70% (5 orang)	25% (1 orang)
Tinggi	40% (2 orang)	58.30% (7 orang)	75% (3 orang)
Jumlah	100% (5 orang)	100% (12 orang)	100% (4 orang)
	χ^2 $= 1.128$	dk $=2$	k $=0.569$

Jadual 3: Perkaitan antara Tahap Pendidikan dengan Permisif

Permisif	Pendidikan Rendah	Pendidikan Sederhana	Pendidikan Tinggi
Rendah	20% (1 orang)	25.00% (3 orang)	0% (0 orang)
Tinggi	80% (4 orang)	75.00% (9 orang)	100% (4 orang)
Jumlah	100% (5 orang)	100% (12 orang)	100% (4 orang)
	χ^2 =1.220	dk =2	k =0.543

Jadual 4: Perkaitan Antara Tahap Pendidikan dengan Autoritatif

Autoritatif	Pendidikan Rendah	Pendidikan Sederhana	Pendidikan Tinggi
Rendah	100% (5 orang)	66.70% (8 orang)	100% (4 orang)
Tinggi	0% (0 orang)	33.30% (4 orang)	0% (0 orang)
Jumlah	100% (5 orang)	100% (12 orang)	100% (4 orang)
	χ^2 =3.706	dk =2	k =0.157

PERBINCANGAN

Keputusan kajian ini menunjukkan hasil yang tidak signifikan bagi ketiga-tiga cara gaya keibubapaan iaitu autoritarian, permisif dan autoritatif. Menurut Baumrind di dalam Ang dan Goh (2009), ibu bapa yang mendidik anak secara authoritarian dianggap sebagai ibu bapa yang cuba membentuk, mengawal dan menilai tingkahlaku dan sikap anak mengikut suatu set perlakuan yang piawai. Kajian ini mendapati bahawa ibu bapa yang menggunakan authoritarian yang tinggi didapati mempunyai anak yang berpendidikan sederhana dan tinggi berkemungkinan anak-anak mereka terpaksa akur dan patuh dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh ibu dan bapa. Ibu bapa ini juga dikatakan selalunya dikaitkan dengan persepsi diri yang buruk (Baumrind 1971). Jika tidak patuh mungkin ibu bapa akan memberi

dendaan berbentuk hukuman sama ada melalui fizikal, mental atau dari segi psikologikal. Antara faktor psikologi yang menyumbang kepada perlakuan seksual ialah apabila wujudnya emosi yang tidak gembira hasil dari faktor persekitaran seperti hubungan kekeluargaan yang longgar, keluarga berpecah dan kurang perhatian daripada keluarga atau ibu bapa (Azizi Yahya dan rakan-rakan 2000). Namun, anak-anak yang dapat mencapai apa yang telah ditetapkan oleh ibu bapa juga tidak diberi peneguhan positif dan berkemungkinan mereka berasa diri tidak dihargai memandangkan pada tahap ini remaja memang memerlukan sokongan dan kasih sayang yang secukupnya daripada ibu bapa. Rasa tidak dihargai inilah selalunya mendorong remaja terjebak untuk melakukan seks luar nikah.

Bagi ibu bapa permisif pula, mereka mempunyai tahap tinggi terhadap tanggungjawab, dengan penuh megah tetapi mempunyai permintaan yang kurang terhadap anak-anak (*family process*). Remaja adalah satu tahap di mana mereka sedang mencari identiti mereka sendiri dan kedudukan mereka di dalam sesebuah masyarakat. Namun, apabila anak-anak ini mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya permisif dan membina jurang menuntut mereka untuk menuruti satu set perlakuan yang piawai dan tidak cuba untuk membina tingkah laku masa depan anak mereka. Ibu bapa permisif ini juga dikatakan selalu tidak memberi peneguhan terhadap setiap tingkahlaku anak-anak. Kanak-kanak ini sering hidup di dalam ketakutan dan kurang berkeyakinan diri kerana dipercayai terpaksa mempelajari sesuatu perkara seorang diri secara kaedah cuba-jaya (*trial and error*).

Seterusnya, hasil dapatan bagi ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif juga didapati tidak signifikan berkemungkinan anak mereka yang tidak memahami kasih sayang yang diberi oleh ibu bapa mereka. Ibu bapa ini selalunya akan merangsang aktiviti-aktiviti yang rasional dan memberi kebebasan kepada anak mereka untuk membuat keputusan dalam kehidupan mereka. Ibu bapa ini juga akan meminta anak mereka duduk bersama dan berbincang jika mempunyai masalah di rumah mahu pun masalah anak mereka sendiri. Menurut Baumrind (1971), ibu bapa ini bukan sahaja mengiktiraf hak mereka sebagai orang dewasa malah turut menghargai hak dan minat anak-anak mereka. Oleh itu, mereka akan membuat keputusan berdasarkan persetujuan secara berkumpulan dan tidak menganggap dirinya sebagai orang yang tidak pernah melakukan kesalahan. Anak-anak ini akan diberikan ganjaran sekiranya mereka berjaya atau menunjukkan usaha dalam melakukan apa yang diharapkan. Mereka akan mempunyai motivasi yang tinggi dalam pencapaian dan kebanyakannya berjaya.

KESIMPULAN

Gaya keibubapaan ini amat penting bagi membendung masalah ini dan beberapa program intervensi perlu dilakukan oleh pelbagai pihak. Ibu bapa seharusnya tahu menguruskan anak dan sepatutnya sudah bersedia daripada masuk ke alam perkahwinan sehingga mengandung dan mendapat seorang bayi. Satu kempen yang dijalankan tentang *Raising Children's in Today's Society Focus* telah dilangsungkan baru-baru ini pada 27 Mac 2010 yang banyak memberi pendedahan tentang cara mendidik anak dan membentuk keluarga yang sihat dan kehidupan yang bahagia. Kempen ini juga berjaya mengubah pemikiran anak remaja daripada terus terjebak (<http://www.family.org.my>). Manakala kajian yang dilakukan oleh Sandiyao Sebestian (1998) pula melihat hubungan kerja yang baik serta kerjasama yang erat antara ibu bapa dengan para profesional sebagai langkah penting bagi membendung masalah-masalah remaja dan pengkaji mengandaikan bahawa kanak-kanak akan belajar dan mencapai kemajuan dengan lebih baik jika ibu bapa dan ahli-ahli profesional berusaha bersama-sama daripada berusaha secara berasingan.

Menurut Nik Azis Nik Pa (1998) menyatakan terdapat empat kekuatan asas untuk membantu remaja menjalani kehidupan iaitu kekuatan akidah, kekuatan ilmu, kekuatan akhlak dan kekuatan ekonomi. Pelaksanaan sesuatu program yang mengandungi keempat-empat kekuatan ini akan memberi impak positif dan menyebabkan penghijrahan jiwa remaja ke arah kebaikan. Dan juga kajian yang dilakukan oleh Khairil Anwar dan Khaidzir Hj Ismail (2009) menerapkan isu psikologi Islam sama ada dalam bentuk kegiatan mahupun secara pemikiran dan menawarkan epistemologi psikologi Islam dengan cara mentrasformasikan ideologi, budaya dan sosial yang bersumberkan Al-Quran dan Hadith yang berdasarkan kepada lima domain iaitu ilmu ketauhidan, hukum Islam, konsep pengetahuan Islam, sejarah Islam dan etika Islam.

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapat tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya keibubapaan mengikut tahap pendidikan bagi autoritarian iaitu $\chi^2(2, N=21)= 1.128$, permisif iaitu $\chi^2(2, N=21)= 1.220$ dan autoritatif iaitu $\chi^2(2, N=21)= 3.706$.

BIODATA PENULIS

Siti Marhamah Kamarul Arifain telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi pada tahun 2010 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Seterusnya, beliau juga memperolehi Ijazah Sarjana Psikologi Perkembangan Manusia pada tahun 2012 di universiti yang sama. Kajian yang beliau minati adalah tentang remaja-remaja berisiko dan penumpuan terhadap masalah pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

Farrah Wahida Mustafar telah menamatkan pengajiannya di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dan ijazah pertama di Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau, Indonesia dalam bidang Teologi Islam. Beliau berminat dalam bidang perkahwinan dan keluarga, masalah gelandangan, ideologi dan agama serta penumpuan terhadap masyarakat.

Faudziah Yusof telah menamatkan pengajian di universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Psikologi serta Psikologi Industri dan Organisasi. Kini, beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Psikologi di Kolej Universiti Islam Melaka. Beliau berminat dalam pengkajian terhadap permasalahan persekitaran masyarakat terutama perkahwinan dan keluarga, masalah gelandangan serta persekitaran kerja.

Atini Alias telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang bimbingan dan kaunseling dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi di universiti yang sama. Beliau meminati dalam bidang kaunseling silang budaya dan penumpuan terhadap pendidikan sekolah.

RUJUKAN

- Ang R.P & Goh D.H. (2006). Autoritarian parenting style in Asian societies: a cluster analytic investigation. *Journal Contemporary Family Therapy*. 28 (1): 131-151.
- Azizi Yahaya & Badrulzaman Baharom. (2000). Persekutaran remaja dan kesannya terhadap tingkahlaku devian remaja. Johor: Universiti Teknologi Mara.
- Baumrind, D. (1966). Effects of authoritative parental control on child behavior. *Child Development*. 37: 887-907.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monographs*. 4 : 1-103.
- Fatanah Mohamed. (1997). *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Tidak Berasrama Penuh di Pengkalan Chepa*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Abdullah, Khaidzir Haji Ismail & Suraiyah Harun. (2008). Kajian ibu tanpa nikah di Kuala Lumpur: satu penemuan awal. The Sixth International Malaysian Studies Conference (MSC6). Anjuran Malaysian Social Science Association. Kuching, 5-7 Ogos.
- Feldman, R.S. (2006). *Human Development*. Boston: McGraw-Hill.
- Hoffman, L. (1996). Progress and problems in the study of adolescence. *Developmental Psychology*. 32: 777-780.
- Harnida Binti Paturungi. (2008). Ibu tanpa nikah: kajian di Jabatan Kerja Sosial Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Tesis Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia dengan Kepujian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hurlock, E.B.. (1964). Child development. Ed. ke-4. New York: McGraw-Hill.
- Jersild, A.T. (1963). *The psychology of adolescent*. London: The Mc Millan Co
- Khaidzir Hj Ismail. (2007). Profil remaja perempuan berisiko. <http://www.wao.org.my/newslinks/mStarRamaiPelajarPerempuanMasalahSeks.htm> [5 Jan 2010]
- Khaidzir Hj Ismail, Hanina Halimatussadiah Hamsan, Suzana Mohd Hoesni & Rumaya Johari. (2003). Remaja resilen dalam kalangan keluarga berisiko. *Jurnal Kerja Sosial*. 2: 63-83.
- Khairil Anwar & Khaidzir Hj Ismail. (2009). Epistemologi pengukuran dalam psikologi Islam: satu kajian pengukuran mental kognitif Islam. International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH). Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi, 2-3 Disember.
- Khaidzir Hj Ismail & Khairil Anwar. (2004). Personaliti dan jenayah: kajian kes remaja banduan dan pondok di Pekan Baru Riau, Indonesia. Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan Siri III. Anjuran Unit of Research, Development & Commercialization, UITM di Rivira Bay Resort, Melaka. 21 Februari 2004.

- Nik Azis Nik Pa. (1998). Menangani masalah sosial di kalangan remaja. *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 20(2): 1-12.
- Pittman, L.D., & Chase-Lansdale, P.L. (2001). African American adolescent girls in impoverished communities: parenting style and adolescent outcomes. *Journal of Research on Adolescent*. 11(2): 199-224.
- Rueter, M.A., Keyes, M.A., Iacono, W.G., & McGue M. (2009). Family interaction in adoptive compared to nonadoptive families. *Journal of Family Psychology* 23(1): 58-66.
- Sandiyao Sebastian. (1998). Ibu bapa sebagai rakan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. 20(2): 13-19.
- Shaffer, D.R. (2001). Developmental psychology. Ed. ke-6. Australia: Wadsworth.

